

09/12/1999

Exco Johor belum angkat sumpah

Daud Awang

JOHOR BAHRU, Rabu - Majlis angkat sumpah jawatan Menteri Besar Johor dan barisan exco kerajaan negeri yang dijangka hari ini, tidak dilangsungkan dan tarikh baru belum ditetapkan.

Ini berikutan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri belum menghadap Sultan Johor bagi mendapat perkenan senarai barisan exconya.

Difahamkan beliau menghadap Tengku Mahkota Johor di Istana Pasir Pelangi, di sini pagi ini, bagi memaklumkan senarai berkenaan.

Abdul Ghani sendiri bagaimanapun sudah menerima surat pelantikannya sebagai Menteri Besar bagi penggal kedua daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas pertemuan di Putrajaya, pagi semalam.

Beliau yang ditemui selepas majlis kesyukuran Barisan Nasional (BN) Ledang di Tangkak, malam tadi, berkata Dr Mahathir juga bersetuju dengan senarai exco yang dikemukakannya.

Abdul Ghani berkata, beliau akan menemui Sultan Johor dalam tempoh terdekat ini bagi mendapat perkenan.

Bagaimanapun, wartawan yang menunggu di luar Istana Bukit Serene sejak pagi dan di kediaman rasmi Menteri Besar di Saujana, gagal mendapatkan sebarang komen daripada Abdul Ghani.

Sebelum ini, Abdul Ghani berkata barisan Exco negeri akan ditambah kepada 10 berbanding lapan pada sebelumnya.

Lapan portfolio sedia ada ialah Pelancongan; Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar; Alam Sekitar dan Hal Ehwal Pengguna; Kerja Raya dan Kemudahan Awam; Perumahan, Industri Kecil Sederhana dan Kerajaan Tempatan; Hal Ehwal Agama; Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Masyarakat serta Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menteri Besar pula sebelum ini bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perindustrian, Perancangan, Tenaga Manusia, Pendidikan, Sains dan Teknologi.

Dalam pembentukan exco kali ini, Abdul Ghani dijangka membuat perubahan dari segi kombinasi portfolio selain mengasingkan beberapa portfolio penting seperti hal ehwal ekonomi, pembangunan dan pendidikan.

(END)